



pelamin fantasi RISTEENA

CANTIK, BERBAKAT DAN BERKARISMA. PAKEJ LENGKAP YANG BERJAYA MELETAKKAN NAMA NUR RISTEENA MUNIM ZAINUL ILYAS DI ARAS POPULARITI DALAM MASA YANG BEGITU SINGKAT. MULA BERTAPAK DALAM INDUSTRI LAKONAN TIGA TAHUN LALU, TUAH NYATA BERPIHAK PADA RISTEENA APABILA WAJAHNYA SERING MENJADI PILIHAN RAMAI PENERBIT FILEM MAHUPUN DRAMA.

Meskipun pernah dilabel 'kayu' menerusi lakonannya dalam drama *Playboy Itu Suami Aku*, namun Risteena mengambil langkah bijak untuk terus belajar sehinggalah mampu mengagumkan ramai pihak. Bagi Risteena, kritikan yang membina membuatkan dirinya lebih bersemangat untuk terus belajar sehingga mampu menggapai apa yang diidamkan.

Berbekalkan pengalaman serta tunjuk ajar pengarah selain pelakon senior, Risteena dilihat sudah mampu memiliki aura sebagai pelakon hebat yang dikagumi ramai. Terbaru, lakonannya menerusi filem *Girlfriend Kontrak* yang ditayangkan pada Oktober lalu mendapat pujian ramai di atas kejayaannya membawa watak gadis kampung.

Risteena juga bakal muncul di dalam filem berlatarkan tahun 1970-an iaitu *Chowrasta* yang bakal ditayangkan pada Disember ini, dengan membawa watak sebagai perempuan kabaret bernama Zaharah. Wajahnya juga muncul menerusi drama *Alaa Bib* yang baru sahaja ditayangkan di TV3 Oktober lalu.

Malah, Risteena juga sedang menanti tayangan filem terbarunya *Anak Mami Nasi Kandaq* yang dijangka akan menemui penonton pada awal tahun hadapan. Tujur gadis berusia 26 tahun ini, meskipun bersyukur dengan apa yang dimiliki pada hari ini, dia tidak mahu tenggelam dalam arus populariti kerana masih banyak yang perlu diperbaiki.

"Ris anggap apa yang Ris miliki pada hari ini adalah

rezeki Ris dan keluarga. Ini merupakan balasan untuk pengorbanan keluarga Ris yang sanggup berpindah daripada Pulau Pinang ke Kuala Lumpur semata-mata bagi menemani Ris. Tanpa sokongan mereka Ris rasa tidak mampu untuk berdiri dalam industri hiburan pada hari ini.

"Sebab itulah Ris sanggup bekerja keras demi membantu keluarga. Ris nak balas balik pengorbanan ibu bapa Ris selama ini. Ris bersyukur kerana mereka sentiasa berada di sisi Ris saat sedih mahupun gembira. Merekalah yang membakar semangat Ris untuk terus membina nama sebagai anak seni," ungkap bakat muda ini.

KUAT CEMBURU

Melihat pada rezeki lakonan yang tidak putus-putus ini, Risteena dicuit seketika mengenai persoalan jodoh yang mungkin datang ketika namanya sedang melonjak naik kini. Tersenyum dengan persoalan tersebut, anak kelahiran negeri Pulau Pinang ini berkata masih terlalu awal untuk dirinya memikirkan soal perkahwinan.

"Buat masa ini tumpuan Ris hanya 100 peratus pada karier. Biarlah Ris kumpul duit dan berbakti pada keluarga terlebih dahulu. Sekarang ini Ris lebih selesa berkawan dengan semua orang. Kalau ada pun masih dalam peringkat untuk kenal hati budi lagi. Sampai masanya nanti pasti jodoh Ris akan tiba juga. Bila, Ris sendiri tak berani nak cakap.

PENYELARAS: NURUL HUDA ZUKIFLI & RUHAYA AB HAMID • TEKSI: NURUL HUDA ZUKIFLI • FOTO: SHAHRIL AZMAN ZAIN • SKEKAN: BOBO CINTA (012-3936011) • RAKAAN & LOKAS: AZURA COUTURE, 275B, JALAN BANDAR 11, TAMAN MELAWATI, KUALA LUMPUR (IG: @AZURACOUTURE)

"Tapi andai ditakdirkan Ris bertemu jodoh dalam tempoh terdekat ini, siapa Ris untuk menalok ketentuan tersebut. Namun seboleh mungkin biarlah Ris cari pengalaman lebih banyak lagi dalam bidang lakonan ini sekarang. Mungkin jika telah berkahwin kelak, pilihan watak akan lebih terbatas memandangkan suami akan menjadi keutamaan Ris."

"Apa pun Ris harap akan dipertemukan jodoh dengan lelaki yang boleh jaga Ris serta memahami minat Ris ini. Paling utama lelaki tersebut kenalah setia dan bukan kaki perempuan kerana Ris ini seorang yang kuat cemburu. Selain itu, dia bukan saja boleh terima siapa Nur Risteena Munim bahkan perlu pandai mengambil hati ibu bapa Ris."

"Mengenai konsep perkahwinan pula, sejak dulu lagi Ris memang sering termimpi-mimpi untuk berkahwin dalam suasana pelamin fantasi ala-ala seorang puteri. Ris memang sukakan suasana cantik dengan dihiasi bunga-bunga segar umpama berada di kayangan. Itu hanya angan-angan sahaja la, tak tahu bila akan terlaksana," ujarnya tertawa.

GIGIH REBUT PELUANG

Kembali berbicara mengenai karier lakonannya, anak kedua daripada lima bersaudara ini memberitahu masih terlalu awal untuk dirinya meluahkan rasa puas di atas bakat seninya itu. Baginya, terlalu banyak lagi ranjau dan duri yang perlu dilaluinya memandangkan dunia hiburan kini terlalu banyak cabarannya.

"Tuah bergelar pelakon tidak selamanya cerah dan kerana itu Ris perlu rebut peluang yang ada selagi diperlukan. Dalam industri lakonan, pelakon muncul silih berganti dan itu kita tak boleh nafikan. Sebab itulah Ris mahu gunakan peluang yang ada ini untuk gigih cari rezeki memandangkan Ris tak tahu sampai bila bakat Ris diperlukan."

"Ris tak pernah fikirkan soal takut untuk jatuh sebab Ris sememangnya sentiasa bersedia. Bagi Ris setiap pelakon akan alami situasi yang sama memandangkan pelakon itu datang dan pergi. Sebagai pelakon baru, Ris juga bermula dengan jalan yang bukan mudah. Ris bertapak dari bawah namun sudah menjadi rezeki Ris diberi peluang untuk pegang watak utama."

"Jadi Ris tak mahu sia-siakan kepercayaan yang diberikan penerbit dan pengarah kepada Ris. Ris akan curahkan hanya yang terbaik terhadap karier lakonan Ris. Ris sendiri tak pernah mimpi untuk bergelar artis. Jadi apabila Ris dapat peluang ini maka Ris perlu hargainya dengan baik."

"Ris harap tidak akan tenggelam dalam arus populariti dan biarlah Ris terus bertahan dalam industri ini sehingga Ris berjaya capai apa yang diidamkan. Walau bagaimanapun Ris perlu bersedia andai rezeki lakonan itu tidak lagi berpihak pada Ris suatu hari nanti. Namun biarlah ketika itu Ris punya kehidupan yang telah kukuh."

"Atas alasan itulah Ris bekerja keras kumpul duit untuk masa depan Ris. Dengan duit tersebut bolehlah Ris jadikan modal untuk buka perniagaan kelak. Ris memang minat bidang fesyen, jadi tak mustahil andai kata Ris memilih fesyen sebagai salah satu cabang pilihan perniagaan yang bakal Ris buat bila sampai masanya nanti."

"Kalau ikut perancangan, Ris bercadang untuk punya perniagaan sendiri sebelum umur Ris mencecah 30 tahun. Jadi Ris hanya ada tempoh tak sampai empat tahun saja lagi untuk kumpul duit. Harap-harap dapatlah kiranya Ris kejar impian Ris tersebut dengan sebaiknya. insya-Allah," ungkap Risteena ramah meluahkan rasa. H

"RIS HARAP TIDAK AKAN TENGGELAM DALAM ARUS POPULARITI DAN BIARLAH RIS TERUS BERTAHAN DALAM INDUSTRI INI SEHINGGA RIS BERJAYA CAPAI APA YANG DIIDAMKAN"